



Tarikh : _____

PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

EMPUNYA RUMAH POLISI INSURANS



Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh apa-apa peril yang dinyatakan dalam polisi insurans ini.

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:-

- Kerugian atau kerosakan kandungan/isi rumah yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik
- Kerugian atau kerosakan kandungan/isi rumah yang disebabkan oleh pesawat udara, kenderaan di jalan raya atau binatang, tangki air atau paip pecah atau melimpah, menerobos masuk atau pecah masuk oleh pencuri, ribut angin, gempa bumi, banjir dan rompokan dan tahan di dalam premis harta benda anda.
- Kehilangan sewa
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan di dalam rumah anda

Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan :

- Tanah tenggelam, tanah runtuh, rusuhan, mogok dan kerosakan niat jahat, kebakaran belukar / lalang, kerosakan akibat pokok atau dahan pokok dan objek yang tertumbang;
- Kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, bidai, kajang, papan tanda dan lekapan atau lekapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar;
- Perlindungan yang dilanjutkan ke atas kecurian;
- Menambahkan had liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan di dalam rumah anda.

Nota : Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

Perlindungan standard	Contoh
	Kadar bagi polisi ini untuk Bangunan Rumah Kediaman Persendirian dibina berasaskan dinding batu dan atap genting ialah 0.106% bagi setiap RM100. Oleh itu, bagi Bangunan Rumah Kediaman Persendirian yang diinsuranskan sebanyak RM300,000 jumlah premium teranggar yang perlu dibayar ialah RM318.

Premium minimum bagi setiap polisi ialah RM60.

HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Pemberitahuan Produk sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama am)

Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

JENIS	AMAUN
Duti Setem	RM10 bagi setiap polisi
Cukai barangan & perkhidmatan (GST)	6% daripada premium
Komisen dibayar kepada pengantara insurans	15% daripada premium

Bila dan bagaimanakah saya membuat bayaran?

Premium hendaklah dibuat dan diterima oleh syarikat insurans tidak lebih dari 60 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa, sekiranya tiada pembayaran diterima selepas tempoh ini, polisi insurans ini akan terbatal secara automatik dimana jumlah kadar premium bagi 60 hari tersebut akan dicajkan kepada anda.

Pembayaran boleh dibuat secara tunai, kredit kad atau cek berpaling (cek hanya boleh dibayar atas nama **PROGRESSIVE INSURANCE BHD** sahaja). Sila minta resit pembayaran untuk semakan. Sila hubungi pihak insurans sekiranya anda tidak menerima polisi selepas sebulan pembayaran telah dibuat.

Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

Kepentingan terhadap pendedahan

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Amaun yang harus diinsuranskan

Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan termasuk pengubahsuaian amaun yang telah dibuat terhadap harta anda. Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans berkurangan), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.

Asas penyelesaian

Anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula

Dasar Nilai Pasaran	Pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
Dasar Nilai Pengembalian Semula	Pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.

Fasal Cukai Barangan Dan Perkhidmatan

Jumlah premium yang perlu dibayar oleh Anda bagi Polisi ini termasuk jumlah GST yang dikenakan pada premium.

Apabila Kami membayar tuntutan, status GST Anda akan menentukan jumlah pembayaran oleh Kami.

Apabila Anda:

- orang tidak berdaftar di bawah GST, Kami akan membayar sepenuhnya (termasuk 6% GST) sehingga kepada jumlah diinsuranskan /had liabiliti atau had lain perlindungan insurans.
- orang berdaftar di bawah GST, Kami akan membayar (tidak termasuk 6% GST) sehingga jumlah diinsuranskan/had liabiliti atau had lain perlindungan insurans. Anda hendaklah menuntut secara langsung Kredit Cukai Input yang layak daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami kelayakan Kredit Cukai Input Anda yang betul atas Premium Anda dan kelayakan Kredit Cukai Input yang betul pada setiap item harta benda yang diinsuranskan.

Glosari

"GST" bermaksud cukai barangan dan perkhidmatan dan mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 ("Akta GST")

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Empunya Rumah atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami.

PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)
6th, 9th & 10th Floor, Menara BGI, Plaza Berjaya
No.12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2118 8000 Fax : 03-2118 8098
Laman web : www.progressiveinsurance.com.my

NOTA PENTING:
ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA HARTA YANG DILINDUNGI DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSEJAJAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

"Orang berdaftar" bermaksud seseorang yang didaftarkan di bawah Bahagian IV Akta GST dan "orang tidak berdaftar" bermaksud seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta GST.

"Cukai Input" bermaksud GST yang ditanggung ke atas sebarang pembelian atau perolehan barangan dan perkhidmatan oleh orang yang dikenakan cukai bagi maksud membuat suatu pembekalan bercukai bagi meneruskan perniagaan.

"Kredit Cukai Input" bermaksud cukai input yang boleh dituntut oleh orang berdaftar.

Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan Keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian
- Seksyen "Liabiliti Terhadap Awam" tidak melindungi apa-apa kecederaan yang dianggap berkaitan dengan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau terdedah atau potensi terdedah kepada asbestos.

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi insurans ini, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Bagaimana kemukakan aduan dan tebus rugi yang ada?

Jika anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan kami atau anda tidak puas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis atau menelefon Unit Aduan kami untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sekiranya anda masih tidak puas hati dengan keputusan kami, anda boleh juga tujuan aduan anda kepada sama ada:-

**Pengarah
Laman Informasi Nasihat
dan Khidmat (LINK)**
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
(1-300-88-LINK)
Fax : 03-2174 1515

**Ombudsman
Perkhidmatan Kewangan**
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2272 2811
Fax : 03-2272 1577

ATAU